

STATUS ‘AKAD NIKAH’ TERHADAP SUMBANGAN PEMILIKAN HARTA SEPENCARIAN ANTARA PASANGAN SUAMI ISTERI MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

STATUS OF ‘AKAD NIKAH’ OWNERSHIP OF JOINTLY ACQUIRED PROPERTY BETWEEN MARRIED COUPLES ACCORDING TO SHARIAH PERSPECTIVE

Akli Ahmadⁱ, Rohani bin Desaⁱⁱ

i,ii Pensyarah Kanan, Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, akliahmadh@unishams.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>‘Akad nikah’ adalah ‘kontrak syar’ie’ yang mengikat hubungan suami isteri sebagai ikatan yang melazimkan beberapa hak yang mesti ditunaikan oleh pasangan masing-masing sama ada nafkah fizikal dan batin. Hukum nafkah ini adalah wajib dilunaskan mengikut kadar dan syarat yang telah ditetapkan oleh syara’. Namun kadar nafkah adalah berbeza antara seseorang individu dengan yang individu lain. Ia adalah berdasarkan kemampuan individu pemberi dan kedudukan individu penerima. Sesetengah kadar nafkah adalah merujuk kepada ‘urf sesuatu tempat. Nafkah yang wajib diberikan kepada pasangan adalah menjadi milik mutlak penerimanya tanpa boleh ditarik balik oleh pemberi. Manakala setiap pemberian selain daripada nafkah yang wajib adalah termasuk dalam kategori (tabarru’) atau sumbangan yang diharus atau disunnatkan. Pemberian jenis ini akan melazimkan berlakunya pindah milik jika penerima sudah</i></p>	<p><i>‘Akad nikah’ is a ‘syar’ie contract’ which binds married relationships as a bond that stipulates some of the rights that their spouses must fulfill either physical and inner maintenance (nafkah) of wife. The ruling of this maintenance is obligatory to be adorned according to the rates and conditions set by syara’. However, the maintenance rate varies between an individual and another. It is based on the individual capabilities of the giver and the individual position of the recipient. Some maintenance rates are referring to the ‘urf of a place. The obligatory nafkah given to the spouse is the absolute possession of the recipient without being withdrawn by the giver. While every gift other than a mandatory maintenance is included in the category (tabarru’) or a donation that is permissible or required. This type of grant will specify the occurrence of transfer if the recipient has already received it in cash (qabadh). While jointly acquired property is essentially any property that is jointly owned by two or more parties, by sharing the capital for its ownership. If referred to a jointly acquired property issue that becomes an international polemic either in a civil court or a sharia court,</i></p>

menerimanya secara serah tunai (*qabadh*). Manakala harta sepencarian pada dasarnya ialah mana-mana harta yang dimiliki secara bersama oleh dua pihak atau lebih, dengan berkongsi modal untuk pemilikannya. Jika dirujuk kepada isu harta sepencarian yang menjadi polemik antarabangsa sama ada di mahkamah sivil atau mahkamah syariah, ia sekali lagi dikaitkan dengan konteks hubungan suami isteri yang telah diakadnikah secara sah. Adakah akad nikah yang sah menjadi satu dari sebab pemilikan atau sebaliknya? Adakah kerja isteri di rumah boleh dikira sebagai modal syarikat terhadap kerja suami? Justeru, kertas ini akan menjawab persoalan dari sudut adakah harta sepencarian itu wujud secara lazim, semata-mata kerana akad nikah yang sah, atau ia mestilah hanya melalui perkongsian suami isteri pada sesuatu harta secara usaha bersama. Namun bagi sesetengah kes tuntutan harta sepencarian di mahkamah, ada juga tuntutan yang dilakukan oleh pasangan walau pada harta yang tidak berkongsi secara bersama-sama modal atau tenaga, hanya atas alasan sebagai pasangan suami isteri, atau dengan hujah membantu pasangan dari sudut kerja-kerja rumah dan sebagainya. Diharapkan kertas ini dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan kes tuntutan hak pasangan bagi harta sepencarian secara undang-undang dan syariah. Kajian ini dengan objektif kukuh iaitu supaya diberi hak kepada yang berhak dan tidak mengambil hak yang bukan hak. Ia adalah suatu keadilan yang telah ditetapkan syara' yang mengatasi hukum adat yang disangkakan lebih adil. Namun hakikatnya ketetapan undang syara' itu

it is again associated with the context of a married relationship that has been legally charged. Does a valid marriage academy become one from the reason of ownership or vice versa? Does the wife's work at home be calculated as the company's capital against the husband's work? Therefore, this paper will answer the question from the point of view whether the property exists typically, simply because of a valid marriage academy, or it must only be through the partnership of a spouse on a joint venture property. However, in some cases, there are also claims made by couples even on property that do not share together with equal capital or energy, only on the grounds as a married couple, or with arguments of helping spouses from a homework standpoint etc. It is hoped that this paper can resolve problems relating to cases of spousal rights claims for jointly acquired assets legally and in line with shariah. This study with a strong objective is to be given the right to the right and not to take non-rights. It is a predetermined justice of *syara'* which overcomes the customary rulings that are thought to be fairer. But the truth is that the rule of *syara'* overcomes all other stipulations.

(Keywords: Akad nikah, jointly acquired property, distribution justice.)

<p>mengatasi segala ketetapan selainnya.</p> <p>Kata kunci: Akad nikah, harta sepencarian, keadilan agihan.</p>	
---	--

PENDAHULUAN

Definisi tajuk kajian berkaitan harta sepencarian, nikah dan ka

Akad nikah:

Dari segi bahasa: Condong atau cenderung. Dari segi istilah: Akad yang menghalalkan perkara yang diharamkan antara lelaki dan perempuan sebelum itu, iaitu akad nikah adalah punca kuasa kepada kewajipan yang diberikan oleh suami kepada pasangannya¹.

Akad nikah yang mencukupi rukun dan syarat-syaratnya dihukumkan sebagai sah pada sisi syara' dan ia akan mengikat suami isteri dengan beberapa hak yang wajib ditunaikan oleh pihak masing-masing. Sebahagian daripada hak ini ialah nafkah wajib yang mencakupi zahir dan batin .

Nafkah:

Nafkah menurut bahasa ia adalah pemberian. Pada istilah: pemberian yang diberikan oleh suami kepada ahli keluarganya merangkumi isteri dan anak-anak dan orang yang wajib ditanggung olehnya².

Hukum nafkah adalah wajib dilunaskan mengikut kadar dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syara'. Sekiranya pihak pasangan mengabaikan tanggungjawab ini dan tanpa sebarang bentuk persetujuan maka ia dianggap sebagai salah laku pasangan yang boleh dituntut di- mahkamah. Nafkah Zahir adalah satu kewajipan bagi pihak suami kepada isteri merangkumi penyediaan makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Kesemua kadar perbelanjaan wajib bagi setiap item yang dinyatakan telah ditetapkan oleh pihak berwajib setiap negeri dan ianya adalah berbeza antara negeri-negeri berdasarkan 'urf sesuatu tempat di mana pasangan itu berada berdasarkan keperluan semasa³.. Tiada siapa yang terkecuali daripada menunaikan tanggungjawab ini samada suami miskin, sederhana ataupun kaya. Masing-masing dengan kemampuan dan kadar masing-masing. Ia adalah kewajipan

¹ - al-Syarbini, al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Syuja', (2/399)

² - Ibnu Abidin, Hasyiah Radd al-Mukhtar Ala Radd Al-Mukhtar, (3/206).

³ - Musatafa al-Bugha, Ali al-Suraiji, Mustafa al-Khin, al-Fiqh al-Manhaji, (4/186)

syara' yang telah ditetapkan sebagai sumber kehidupan isteri menjalani kehidupan sebagai pasangan kepada suaminya.

Harta Sepencarian:

Harta sepencarian menurut istilah ialah kumpulan harta yang dikongsi secara bersama oleh dua pihak atau lebih sama ada perkongsian pasangan suami isteri atau selain mereka. Harta ini adalah berkonseptan perkongsian secara bersama dari sudut modal atau kerja pada pekerjaan yang sama tanpa upah yang dibayar sebagai pekerja. Asas perolehan kepada harta sepencarian adalah perkongsian mana-mana dua pihak atau lebih sewaktu menghasilkan harta tersebut secara bersama.

Sebelum penulis membincangkan isu-isu berkaitan pemilikan isteri terhadap harta sepencarian, terlebih dahulu disenaraikan beberapa bentuk pendapatan isteri dari awal perkahwinannya sehingga berlakunya penceraian, kematian dan sebagainya. begitu juga akan dinyatakan harta sepencarian yang benar-benar sepencarian kerana berlaku perkongsian modal secara bersama dalam membeli sesuatu harta atau aset.

Kaedah pemilikan isteri bagi harta dalam kehidupan berumahtangga

1. Maskahwin
2. Nafkah wajib yang diberikan suami
3. Hasil kerja isteri yang hakiki (kerajaan atau swasta)
4. Hasil perniagaan isteri (individu atau syarikat).
5. *Tabarru'* daripada pihak suami dan lain-lain
6. Upah menyusu anak
7. Zakat yang diterima
8. Bantuan atau pinjaman pelajaran

Maskahwin

Maskahwin atau mahar adalah pemberian wajib yang telah ditetapkan oleh syara' ke atas suami bagi setiap kali akad nikah dilakukan. Jika telah berlaku akad nikah yang sah dan telah berlaku *khulwah sahihah*, maka suami wajib menyerahkan maskahwin tersebut kepada pihak isteri⁴.

⁴ - Al-Syarbini, Mughni Al-Muhtaj, (3/220).

Nafkah wajib yang diberikan oleh suami

Semua nafkah wajib yang diberikan oleh suami kepada isteri sama ada makanan, minuman, pakaian dalam bentuk fizikal adalah milik isterinya secara pemilikan sempurna. Begitu juga setiap nafkah yang dibayar dalam bentuk matawang yang senilai dengan kadar nafkah yang wajib tersebut adalah menjadi milik sempurna bagi isteri. Jika berlaku lebih daripada nafkah tersebut, ianya adalah hak isteri sepenuhnya. Sekiranya isterinya menjual pakaian yang disediakan suami, atau lebih makanan dan minuman yang disediakan, maka pendapatan daripada jualan tersebut adalah menjadi milik isteri sepenuhnya. Oleh yang demikian, pihak suami tidak mempunyai hak ke atas harta tersebut.

Kerja hakiki (kerajaan atau swasta)

Semua pendapatan isteri hasil daripada kerja yang dilakukan samada dalam sektor awam atau swasta adalah menjadi milik isteri. Ini memandangkan pendapatan tersebut datang dari titik peluh isteri tersebut. Hakmilik ini terpakai jika dia bekerja dengan izin suami. Termasuk dalam pendapatan ini segala bonus, ganjaran dan sebagainya yang berasaskan kepada kerja hakiki isteri. Justeru, tiada hak bagi suami terhadap pendapatan tersebut melainkan dengan pemberian atau *hibah* oleh isteri kepada suami. Jika suami tidak memberi keizinan untuk isteri bekerja, maka wajib ke atas isteri untuk mentaati suami ketika itu. Bahkan, jika isteri yang telah bekerja sebelum berkahwin kemudian suami melarangnya untuk bekerja maka wajib isteri untuk mentaati suami ketika itu tanpa ada pilihan.

Hasil perniagaan isteri (Individu atau syarikat)

Semua pendapatan isteri hasil daripada keuntungan perniagaan yang diusahakan adalah menjadi milik isteri secara sepenuhnya. Ini adalah merujuk kepada kaedah syara' yang bermaksud setiap keuntungan yang diperolehi adalah di sebalik risiko yang mungkin berlaku (*al-Ghunmu bi al-Ghurmi*). Apabila isteri yang mengeluarkan modal perniagaan, maka dia akan menanggung segala risiko kerugian dan sebagainya. Justeru pemilikan keuntungan dan modal adalah hak kepada isteri yang menjalankan perniagaan tersebut. Suami tiada hak untuk menuntut sebarang milik

daripada pendapatan jenis ini melainkan jika suami menjadi pemodal kepada perniagaan isteri, atau menjadi pekerja kepada syarikat isteri yang berhak untuk mendapat upah sahaja, bukan sebagai kongsi untung.

Tabarru', hadiah dan pemberian daripada pihak suami dan lain-lain

Semua harta yang dihibahkan oleh suami selain daripada nafkah wajib adalah menjadi milik isteri setelah dia menerima pemberian tersebut secara serahan tangan. Begitu juga pemberian pihak-pihak luar kepada isteri seperti hadiah menjuari sesuatu pertandingan, hadiah cabutan bank (hadiah simpanan *al-Awfar*), hadiah sempena hari kelahiran atau hari ulangtahun perkahwinan dan sebagainya, ia akan menjadi milik isteri sepenuhnya.

Upah menyusu anak

Semua pendapatan isteri yang terhasil daripada mengambil upah susuan daripada suami jika disyaratkan demikian maka pendapatan tersebut adalah menjadi hakmilik isteri secara milik sempurna. Perkara ini sedikit terasing daripada amalan masyarakat kerana isteri lebih cenderung untuk berihsan menyusui anak atas dasar kasih sayang. Namun perlu diingatkan bahawa air susu seorang ibu adalah milik suaminya jika ia adalah hasil daripada hubungan kelamin perkahwinan yang sah atau melalui wati' syubhah. Mengambil upah daripada susuan yang diberikan kepada anak suami adalah sabit di dalam al-Quran (al-Talak, 6) yang bermaksud; "dan jika mereka (isteri) menyusukan anak kamu (suami) maka berilah upah kepada mereka". Namun upah tersebut mestilah dinyatakan secara jelas dalam akad antara suami dan isteri. Tanpa akad yang dilakukan ia dianggap sebagai tabarru'.

Zakat yang diterima

Semua harta pemberian zakat samaada dalam bentuk material atau matawang yang diterima oleh isteri adalah menjadi milik isteri atas sifatnya sebagai seorang asnaf zakat yang berhak. Dewasa ini kita dapati ramai antara penerima bantuan adalah wanita samaada yang berkeluarga atau bersendirian, samaada semasa sedang belajar atau selepas mendirikan rumah tangga dan semua pendapatan yang diperolehi oleh isteri adalah menjadi miliknya. Pemilikan ini dinyatakan di dalam al-Quran (al-Taubah, 60) yang bermaksud: "Hanyasanya sedekah itu (zakat wajib) untuk orang fakir, miskin, amil, muallaf, hamba yang akan dibebaskan, orang berhutang, fisabilillah dan

ibnu sabil). Oleh yang demiklian setiap terimaan zakat oleh isteri menjadi miliknya.

Bantuan atau pinjaman pelajaran

Semua pendapatan isteri yang diterima sebagai bantuan pengajian di- semua peringkat pengajian samada menengah, kolej, universiti, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah adalah menjadi milik isteri secara milik sempurna.

Harta Sepencarian melalui perkongsian modal secara bersama

Semua aset atau harta yang diperolehi pasangan secara berkongsi modal adalah menjadi milik bersama secara agihan rawak pada bahagian-bahagian harta itu mengikut nisbah perkongsian modal masing-masing. Hari ini kebanyakan pasangan yang bekerja dalam kerja masing-masing berkongsi dalam membeli sesuatu aset atau harta seperti rumah kediaman.

Kerja-Kerja Isteri Dalam Rumahtangga

Kerja – Kerja Rumahtangga Dan Status Pemilikan Melalui Sumbangan Kerja Rumahtangga.

Dalam perkara berkaitan kerja rumahtangga suami isteri dan tang-gungjawab masing-masing dari sudut siapakah antara mereka yang akan mengambil peranan terhadap kerja-kerja tersebut dan apakah hak yang sepatutnya diperolehi daripada kerja-kerja tersebut. Menyentuh perkara ini, penulis memfokuskan kepada beberapa isu berkaitan maksud kerja rumah-tangga, jenis-jenis kerja rumah, dalil terhadap kerja rumah-tangga dan orang yang sepatutnya melakukan kerja tersebut dan sebagainya.

Pengenalan kerja rumahtangga.

Kerja rumah yang dimaksudkan ialah kerja-kerja yang melibatkan pengurusan rumahtangga dan ahli keluarga yang tinggal dalam rumah tersebut, kadang-kadangnya yang melibatkan penyediaan makanan, minuman, membasuh pakaian, kemas rumah dan sebagainya. Ia adalah disebalik kerja luar rumah bagi tujuan mencari pendapatan, nafkah dan sebagainya.

Asas Syara' Terhadap Kerjarumah Untuk Isteri

Asas yang dimaksudkan ialah dalil syara' yang menunjukkan wujudnya kerjarumah untuk para isteri dalam kehidupan berumahtangga. Justeru, dengan adanya istilah kerja isteri di rumah, ia akan menjadi asas kepada perbincangan berkaitan harta sepencarian.

Antaranya adalah seperti berikut:

Dalil pertama, sabda Rasulullah SAW:

كان النبي صلى الله عليه وسلم في مهنة أهله، فإذا حضرت الصلاة خرج إلى الصلاة

Maksudnya: "Nabi SAW sewaktu berada di rumah, Baginda akan bersama-sama melakukan kerja-kerja isteri, dan apabila masuk waktu solat Baginda akan keluar pergi solat". (Al-Bukhari, 644).

Dalam hadis ini, perkataan "مهنة" adalah kombinasi antara "مهنة" dan "أهله". Ia adalah dalam bentuk "mudhaf" dan "mudhaf ilayhi" yang memberi maksud kerja bagi isterinya atau dengan bahasa mudahnya kerja-kerja isteri di rumah. Konsep sandaran ini (perkataan *mihnah* dan *ahlihi*) boleh bermaksud kerjarumah khusus untuk isteri. Sepertimana semua kita sedia maklum bahawa perkaitan dua perkataan menunjukkan makna khusus atau kepunyaan.

Dalil Kedua:

أن النبي صلى الله عليه وسلم قسم الأعمال بين علي وفاطمة رضي الله عنهمَا ،
فجعل عمل الداخل على فاطمة، وعمل الخارج على علي

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi SAW telah membahagikan kerja-kerja dan tanggungjawab antara saidina Ali dan Saidatina Fatimah dengan menjadikan kerja dalam rumah sebagai tugasan Fatimah. Manakala kerja-kerja luar rumah adalah tanggungjawab Saidina Ali⁵.

Hadis di atas dengan jelas menunjukkan wujudnya kerjarumah bagi isteri yang disebut sebagai kerja dalam rumah (عمل الداخل). Lazimnya kerja dalam

⁵ - Ibnu Nujaim, Al-Bahr al-Raik, (4/199)

rumah adalah kerja rutin seorang suri rumah yang sedia dimaklumi oleh masyarakat.

Jenis kerja rumahtangga

Kerja keperluan ialah kerja yang perlu dilakukan sebagai memenuhi kehendak kehidupan dalam berumahtangga. Dengan andaian jika tidak dilakukan kerja-kerja tersebut, ia boleh menyebabkan kehidupan berumah-tangga menjadi sedikit payah sekalipun tidak sampai ke tahap memudaratkan seperti penyediaan makanan dan minuman, menyediakan pakaian dan menyediakan kelengkapan rumah yang diperlukan. Huraianya jika kerja jenis ini tidak dilakukan, ia akan menyebabkan sedikit sukar dalam menjalani kehidupan berumahtangga. Jika isteri tidak memasak makanan, ia akan menyebabkan kesusahan kepada suami atau ahli keluarga untuk mengambil juadah sebagai memenuhi keperluan perut.

Kerja bukan keperluan ialah kerja yang dilakukan di luar keperluan sesebuah rumahtangga dengan maksud jika rumahtangga yang dijalani tidak memiliki perkara tersebut ia sedikit pun tidak mendatangkan kesusahan kepada suami atau ahli keluarga yang lain. Kerja-kerja jenis ini adalah seperti kerja menanam pokok bunga, mengecat rumah, menghiasi rumah dengan kelengkapan aksesori (*tahsiniyah*). Huraianya, kerja-kerja isteri dalam kategori ini jika diabaikan ianya tidak memberi sebarang kepayahan (*masyaqqah*) atau dharurat kepada pasangan suami isteri mahupun ahli keluarga yang lain. Ia boleh dikategorikan sebagai kerja *tahsiniyah* sahaja.

Pendapat ulamak berkaitan hukum kerja rumah bukan keperluan (*tahsiniyah*) ke atas isteri

Penulis mendapati isu ini mungkin tidak pernah dibincangkan oleh ulamak secara khusus kerana ia tidak termasuk dalam kerja wajib atau tangungjawab suami menyediakannya dan tidak pula wajib isteri melaksanakannya. Justeru, ia bukan suatu tugasan lazim di sebalik setiap akad nikah. Maksudnya akad nikah yang berlaku secara sah antara pasangan suami isteri tidak menackupi kerja-kerja rumah jenis *tahsiniyah* ini. Penulis berpandangna bahawa si isteri perlu meminta kebenaran suami untuk melakukan kerja jenis ini kerana ia akan mengambil masa dan ruang hak suami terhadap isteri. Perkara ini boleh diqiyaskan keharusan puasa sunat yang mana isteri terlebih dahulu memohon kebenaran kepada suami untuk

melaksanakannya. Bahkan jika suami milarang isteri berpuasa sunnat tersebut maka tidak boleh isteri melaksanakannya.

Pendapat ulamak berkaitan hukum kerja rumah ke atas isteri.

Pendapat pertama: harus dan tidak wajib tetapi yang afdhalnya ialah isteri melakukan kerja rumah mengikut adat setempat⁶.

Pendapat Kedua: wajib atas isteri melakukan kerja rumah dan berkhidmat untuk suami⁷.

Pendapat ketiga: wajib jika isteri orang susah atau keluarganya beradat tanpa ada orang gaji, tetapi tidak wajib jika ia seorang yang berpangkat atau teradat dengan adanya orang gaji.⁸

Dalil-Dalil

Dalil pendapat yang mengatakan wajib kerja rumah ke atas isteri sebagai khidmat suami.

Pertama:

أن النبي صلى الله عليه وسلم حكم بين على بن أبي طالب رضي الله عنه، وبين زوجته فاطمة رضي الله عنها حين اشتكيتُ إليه الخدمة، فحكم على فاطمة بالخدمة الباطنة، خدمة البيت، وحكم على علي بالخدمة الظاهرة.

Maksudnya: Nabi SAW telah memutuskan antara Saidina Ali dan saidatina Fatimah ketika mereka mengadu kepada Baginda hal berkaitan kerja rumah, yang mana keputusan tersebut ialah; kerja-kerja dalam rumah (الاعمال الباطنة) adalah tanggungjawab Saidatina Fatimah. Manakala saidina Ali ditugaskan dengan kerja-kerja luar rumah (الاعمال الظاهرة) iaitu kerja-kerja mencari pendapatan.

⁶ - al-Bujairmy, *tuhfat al-Habib*, (4/150)

⁷ - al-Sarakhsy, al-Mabsut, (11/58), Uthaimin, al-mumti'(12/441)

⁸ - Ini adalah pandangan Jumhur ulamak Maliki, Abu Thaur, Ibn Abi Syaibah, Abu Ishak dan selain mereka.

Mafhum kenyataan di atas, bahwasanya tugas kerja-kerja antara pasangan suami isteri, dimana kerja luar rumah adalah kewajipan suami. Manakala kerja-kerja dalam rumah adalah kewajipan isteri. Oleh yang demikian, tidak harus bagi isteri mengambil upah terhadap kerja rumah yang dilakukannya. Rentetan daripada itu, maka kerja rumah yang dilakukan oleh isteri tidak boleh dijadikan modal perniagaan bersama suami atas konsep syarikat abdan untuk tujuan menuntut harta sepencarian ke atas pendapatan suami.

Kedua:

Para Isteri Nabi SAW turut melakukan khidmat kepada Baginda setelah diminta atau disuruh berbuat demikian. Dalam satu riwayat hadis yang berbunyi:

عَنْ يَعْيَشَ بْنِ طَحْفَةِ بْنِ قَيْسٍ الْغَفَارِيِّ قَالَ كَانَ أَبِيهِ مِنْ أَصْحَابِ الصُّفَّ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْطَلَقُوا إِلَيْ بَيْتِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فَانْطَلَقُنَا فَقَالَ: يَا عَائِشَةَ أَطْعَمِنَا، فَجَاءَتْ بِحَشِيشَةٍ، فَأَكَلَنَا، ثُمَّ قَالَ: يَا عَائِشَةَ أَطْعَمِنَا، فَجَاءَتْ بِحَيْسَةٍ مُثْلِدِ الْقُطَّاهَ، فَأَكَلَنَا، ثُمَّ قَالَ يَا عَائِشَةَ اسْقِنَا، فَجَاءَتْ بِعَسْ مِنْ لَبَنِ فَشَرَبَنَا، ثُمَّ قَالَ: يَا عَائِشَةَ اسْقِنَا، فَجَاءَتْ بِقَدْحٍ صَغِيرٍ فَشَرَبَنَا.

Maksudnya: daripada Ya'ish bahawa ayahnya yang merupakan salah seorang *ashab al-Suffah* telah diundang oleh Nabi SAW untuk datang bertandang ke rumah 'Aisyah. Lalu baginda bersabda "Wahai 'Aisyah berikanlah kami makanan, lantas beliau membawa kepada kami hasyisyah (masakan gandum dengan campuran daging dan kurma), lalu kami menjamahnya, kemudian Nabi berkata"berilah makan kepada kami. Lantas 'Aisyah membawa kepada kami haisah (makanan vampuran kurma, mentega dan keju), lalu kamu menjamu selera. Kemudian Nabi berkata: " Berilah kami minuman. Lalu dibawa datang oleh 'Aisyah air dalam minuman yang kecil dan kami meminumnya". (*Abu Daud*, 4383)

Berkata al-Sarakhsy setiap wanita yang mempunyai kemampuan untuk melakukan kerja rumahnya seperti memasak roti, mengisar dan sebagainya, maka ia tidak lagi wajib ke atas suami. Hal ini demikian jika sudah beradat dan menjadi amalan dalam masyarakat bahawa setiap wanita sepertinya melakukan kerjrumah secara sendiri⁹.

Penulis berpandangan jika sekiranya kerja-kerja tersebut adalah kewajipan suami, sudah pasti Nabi SAW tidak akan meminta atau menyuruh para isteri Baginda berbuat demikian. Kerana ia dikira meninggalkan

⁹ - al-Sarakhsy, al-Mabsut, (11/58)

kewajipan agama. Ia adalah mustahil atas Nabi untuk melakukan demikian. Ini disebabkan segala perbuatan Nabi adalah menjadi sumber hukum syara'.

Ketiga:

Hadis Nabi SAW:

"لو أمرت أحداً أن يسجد لأحد لأمرت المرأة أن تسجد لزوجها ، ولو أن رجلاً أمر امرأته أن تنقل من جبل أحمر إلى جبل أسود ، ومن جبل أسود إلى جبل أحمر لكان نولها [حقها] أن تفعل"

Maksudnya:

Jika harus aku menyuruh seseorang untuk sujud kepada yang lain, pasti aku akan suruh isteri sujud kepada suaminya. Dan sekiranya seorang suami menyuruh isterinya berpindah daripada bukit merah ke bukit hitam dan daripada bukit hitam ke bukit merah, nescaya menjadi kewajipannay untuk melakukan suruhan tersebut.

Berkata al-Juzjaniy bahawa kewajipan ini adalah pada perkara yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri suami. Apatah lagi jika suruhan itu melibatkan perkara yang ada kemungkinan kepada suami seperti kerja dalam rumah tangga¹⁰.

Keempat.

Akad mutlak (akad nikah) ditafsirkan maksudnya mengikut adat sesuatu masyarakat dan yang berlaku pada realiti adat pada hari ini ialah isteri melakukan kerja dalam rumah. Akad mutlak ini tidak boleh ditafsirkan berdasarkan akal semata-mata.

Kelima:

Athar yang diriwayatkan daripada Asma' r.a.:

عن أسماء أنها قالت : كنت أخدم الزبير خدمة البيت كله، وكان له فرس وكانت أسوسة، وكانت أحتش عنها وكانت تعلف فرسه، وتتسقى الماء، وتحزر الدلو وتعجن، وتنقل النوى على رأسها من أرض له، وأقوم عليه له على ثلثي فرسخ؟

Maksudnya:

Asma' pernah berkata: "Aku memberi khidmat kepada Zubair dalam kerja rumah seluruhnya. Aku juga membela kudanya, memberi makan kepada dengan mengambil rumput secara sendiri, memberi

¹⁰ - al-Juzjaniy. Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah, mls (352)

minum, mengambil air, mengisar (*bijirin*), membawa (*menabur*) biji benih ke ladang yang seluas 2/3 farsakh. (*Muslim*, 5822).

Keenam:

Firman Allah :

الرّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ

Maksudnya:

'Orang lelaki adalah tonggak kepada wanita'

Bersesuaian dengan ayat ini, maka tugasan kerja rumah adalah menjadi tanggungjawab isteri. Jika sekiranya kerja tersebut diwajibkan ke atas suami, maka bagaimana boleh dianggap suami sebagai tonggak atau asas kepada sesebuah rumahtangga yang didalamnya ada seorang isteri. Bahkan yang berlaku adalah sebaliknya iaitu wanita pulak yang menjadi ketua keluarga, dimana kerja kerja mencari nafkah dan kerja dalam rumah adalah tanggungjawab kesemuanya. Dengan ini ia membayangkan bagaimana seorang hanya akan duduk dalam rumah seperti seorang ketua.

Ketujuh:

Maskahwin yang dibayar adalah dengan tujuan untuk keharusan bersetubuh antara pasangan. Justeru setiap pasangan suami isteri berhak untuk menunaikan hajat syahwat mereka bersama pasangan, kemudian setelah itu Allah SWT mewajibkan ke atas suami nafkahnya termasuk makanan, minuman, pakaian dan tempat kediaman. Kewajipan maskahwin adalah disebalik keharusan *istimta'* dan bersetubuh. Manakala kewajipan nafkah pula adalah disebalik kerja rumah yang dilakukan oleh isteri sebgaimana adat yang telah berjalan atas demikian itu.

Kelapan:

Hadis riwayat

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّهُنَّ عِوَانٍ عِنْدَكُمْ

Maksudnya:

"Takutlah Allah pada urusan berkaitan wanita, kerana sesungguhnya mereka adalah hamba di bawah milik kamu" (*al-Tirimizi*, 1163)

Berkata sebahagian salaf bahawa perkahwinan itu adalah pengabdian. Maksudnya perkahwinan menjadikan isteri seolah-olah seperti tawanan yang hanya mengikut arahan dan tugas yang diberikan suami. Hal ini kerana perkataan *al-'Aniy* (العاني) bermaksud hamba¹¹. Kedudukan hamba ialah di bawah kekuasaan tuannya. Apabila dikata isteri adalah sebagai al-'Aniy maka ia menunjuk kepada bahawa perkahwinan adalah suatu bentuk penghambaan nisbah kepada kewajipan isteri untuk mentaati suaminya pada perkara yang tidak munkar, termasuk melakukan kerja-kerja rumah.

، والعانى : الأسير ، ومرتبة الأسير خدمة من هو تحت يده ، ولا ريب أن النكاح نوع من الرق ، كما قال بعض السلف : النكاح رق ، فلينظر أحدكم عند من يرق كريمته ، ولا يخفى على المنصف الراجح من المذهبين ، والأقوى من الدليلين " انتهى من "زاد المعاد"

Sembilan : Dalil 'Adat

(Uthaimin) Dengan merujuk kepada kaedah '*al- 'Adah Muakkamah*' maka hukum isteri berkhidmat untuk kerja adalah wajib. Itulah apa yang berlaku dalam 'urf masyarakat. Dan jika ada urf setempat yang tidak memerlukan wanita melakukan kerja-kerja rumah, maka tidak wajib atasnya berbuat demikian. Begitu juga tidak harus bagi suami untuk mewajibkan isteri melakukan kerja-kerja ibu dan ayahnya, serta tidak boleh suami marahkan seorang isteri kerana enggan berbuat demikian. Lagipun bukan kewajipan seorang menantu wanita untuk berkhidmat kepada mentuanya. Berkata Uthaimin bahawa yang sahihnya ialah wajib atas isteri berkhidmat kepada suaminya pada perkara yang baik¹².

Berkata Ibu Jabrain masih kekal sampai saat ini dalam pengamalan *urf* orang Islam bahawa isteri akan melakukan kerja rumah yang tersedia maklum seperti menyediakan makanan, membasuh pakaian dan peralatan dapur, bersihkan rumah dan sebagainya. adat ini telah diamalkan sejak zaman Nabi SAW masih ada sehingga zaman ini tanpa ada yang mengingkarinya. Namun demikian adalah tidak patut untuk membebangkan isteri dengan perkara yang di luar kemampuan mereka¹³.

¹¹- Al-Sabtiy, masyariqu al-Anwar fi Sihah al-Athar, (2/93).

¹² - Uthaimin, al-Syarh al-Mumti', (12/441)

¹³ - Fatawa Ulamak Fi 'Isyrat al-Nisa, m/s (20)

Dengan keterangan dan hujah-hujah di atas, maka yang rajihnya ialah kerja dalam rumah tangga adalah menjadi tanggungjawab isteri dan ianya adalah suatu kewajipan syara'. Sebagaimana para suami diwajibkan untuk bekerja di luar rumah untuk mencari nafkah isteri serta keluarga.

Sebelas : Dalil Akal:

1. Sesiapa yang berpegang dengan pandangan yang tidak mewajibkan isteri untuk memberi khidmat kepada suami pada kerja rumah tangga, maka disoalkan kepadanya mengenai siapakah yang akan menanggung kos rawatan sakit isteri bila dia jatuh sakit. Hal ini kerana menurut pandangan *jumhur* rawatan penyakit adalah bukannya keperluan asas. Lagipun akad nikah adalah disebalik manfaat daripada pihak pasangan dan sakit yang mengena pasangan tidak termasuk dalam perkara manfaat. Namun *u'rf* hari ini telah menjadi lazim bahawa suami akan menaggung kos rawatan penyakit isteri.
2. Tuntutan wajib ke atas suami untuk mencari nafkah, menyebabkan dia terpaksa untuk meninggalkan rumah dan keluarga untuk ke tempat kerja dan kadang-kadang dia terpaksa mengambil masa yang lama sebelum pulang semula. Justeru, di dalam tempoh ketiadaan suami bagaimana mumgkin suami akan menyediakan nafkah makan minum dan sebagainya, sedangkan ia berada di kejauhan.
3. Jika dikatakan suami wajib mengupah orang lain untuk menyediakan makanan dan minuman kepada isteri, maka di sini akan berlaku sedikit pusingan rantaian kewajipan penyediaan nafkah kerana barangkali pengambil upah itu juga adalah seorang isteri kepada suaminya yang juga memerlukannya untuk berkhidmat di rumah suaminya.

Dalil Pendapat Yang Mengatakan Tidak Wajib Bahkan Harus Sahaja

Pertama:

Akad nikah yang sah meurut syara' ialah akad berlaku bagi tujuan mengahruskan bersuka-suka antara suami isteri serta mengaharuskan hubungan kelamin antara pasangan. Akad nikah tersebut tidak mencakupi kewajipan isteri untuk berkhidmat dalam rumah tangga dan sebagainya.

Kedua:

Maskhawin yang wajib dibayar kepada isteri setelah akad nikah yang sah serta telah melewati satu waktu yang membolehkan untuk berdua-duan, adalah disebalik keharusan berjimak semata-mata.

Ketiga:

Hadis-hadis Nabi SAW yang menunjukkan tentang adanya kerja-kerja rumah yang dilakukan oleh isteri termasuk para isteri Baginda, ianya tidak menunjukkan kepada kewajipan kerja-kerja tersebut. bahkan ia sekadar menunjukkan kemulian akhlak dan ihsan semata-mata.

Perkaitan hukum kerja rumah dengan tuntutan harta sepencarian

Pemberian nafkah bukan bermaksud suami mesti memasak, membasuh dan sebagainya dengan dilakukan olehnya secara sendiri. Hal ini kerana perkataan ‘nafkah’ banyak digunakan dalam bahasa Arab dengan memabawa maksud ‘memberi peruntukan’ dan dengan peruntukan tersebut, penerima boleh melakukan segala keperluan secara sendiri.

Hal ini sebagaimana seorang ayah memberi nafkah kepada anak-anak dan sebagainya. adakah dengan disediakan sendiri oleh ayah makanan untuk anak-anak dan sesiapa sahaja di bawah tanggungannya. Bahkan yang berlakunya ialah ayah akan hanya membayar bil makan anak-anak dalam tanggungannya. Tindakan ini adalah bermaksud seorang ayah telah menafkahi anaknya tersebut secara sah pada sisi syara’

Satu perkara lagi ialah berkaitan dengan isteri yang bekerja secara sukarela dan menghabiskan kebanyakan masanya di luar sehingga dia tidak dapat menumpukan kerjarumah sehingga terpaksa diambil orang gaji dan dibayar upahnya bagi melakukan kerja-kerja rumah. Dalam situasi ini, adakah layak bai seorang isteri menuntut harta sepencarian walhal banyak kerja-kerja rumah yang tidak dapat dilakukan sewajarnya menurut adat kebisanan. Lagipun masa bersama suami di rumah kadang-kadangnya amat terhad kerana keperluan isteri untuk berada di tempat kerja, mesyuarat di luar, kursus dan sebagainya. justeru layanan yang diberikan kepada suami tidak maksima sebagaimana kehendak suami dan adat dalam masyarakat.

Asas pemilikan harta sepencarian dan kaedah pembahagiannya.

Pemilikan harta dalam syara' mempunyai sebab-sebab yang dinyatakan oleh syara' supaya dapatan milik itu adalah sah dan menjadi milik kekal. Justeru berhak baginya menggunakan harta tersebut secara bebas tanpa ada liabiliti,

Firman Allah :

١٤ ﴿ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَنْكَسَبَتْ ﴾

Maksudnya:

Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahanan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa)".

Pemilikan harta sepencarian adalah sesuatu yang terkait secara lazim dengan hukum syara' tanpa terkecuali, dan ia semestinya mempunyai puncakuasa yang diambil dari sumber syara' dan dengan izin syara'. Oleh yang demikian perbincangan mengenai pemilikan terhadap harta spencarian perlu dirujuk kepada maksud akad nikah, konsep perkongsian dalam rumah tangga, kerja-kerja dalam rumah tangga dan sebagainya. Perkara ini adalah penting untuk dilihat kerana ia adalah faktor yang menjadi mekanisma kepada tuntutan harta sepencarian.

Sebelum dibincangkan dengan lebih jelas lagi konsep ini, penulis akan menyenaraikan beberapa bentuk akad dan kerja yang mendarangkan hasil pendapatan dan berpindah milik secara sempurna. Syara' telah meletakkan beberapa bentuk kerja yang boleh menjadi sebab pemilikan dan sebab pindah milik bagi sesuatu harta yang diperolehi. Antara bentuk dan kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut:

1. Perburuan
2. Mengusaha tanah terbiar yang tidak bertuan
3. Galian harta dalam perut bumi
4. Pembinaan dan perusahaan
5. Perniagaan atau jual beli
6. Mengambil upah kerja/komisen kerja
7. Komisen kerja
8. Peperangan

¹⁴ Surah al-baqarah ayat 286

9. Terimaan agihan zakat, bantuan kewangan dan sebagainya.
10. Bekerja samada secara fizikal, idea dan sebagainya.

Berbalik kepada isu pemilikan harta sepencarian antara pasangan suami isteri, perlu untuk dilihat dengan lebih mendalam perkara-perkara berikut:

Akad Nikah. Akad nikah yang sah pada syara' adalah satu kontrak syar'i yang mengkhususkan perkara berkaitan perhubungan lelaki dan wanita bagi mengharuskan beberapa perkara yang terlarang sebelumnya. Ia adalah akad yang secara zahirnya hanya untuk mengikat hubungan pasangan suami isteri pada hak-hak yang wajib ditunaikan oleh mereka berdasarkan tuntutan syarak. Nikah yang sah telah menetapkan beberapa hak yang wajib ditunaikan oleh suami terhadap isterinya. Dan kewajipan ini tidak berhak untuk suami meminta sebarang upah daripada isterinya. Hal ini demikian kerana perkara yang wajib dilakukan sebagai suami yang sah, tidak layak untuk diambil upah.

Nafkah batin. Nafkah batin adalah kewajipan ke atas pasangan suami isteri yang Sebagaimana isteri tidak boleh mengambil upah disebalik nafkah batin yang wajib disempurnakan kepada suami. Hal ini kerana nafkah tersebut adalah kewajipan isteri terhadap suami. Begitu juga seorang suami tidak boleh mengambil upah terhadap nafkah batin yang wajib dia tunaikan kepada isterinya. Sesuatu yang telah diwajibkan ke atas seseorang oleh syara' tidak berhak untuk dia mendapatkan upah atas kerja tersebut.

Isteri bekerja dengan suami. Ada segelintir pasangan suami isteri yang menjalankan kerja secara sendiri dalam perniagaan dan sebagainya. Dalam masa yang sama ada juga suami yang mengambil isteri sebagai pekerja dalam perniagaannya, dan membayar upah terhadap tugas yang diberikan samaada dalam bentuk gaji atau elau bulanan, mingguan atau harian. Justeru dengan upah dan gaji yang dibayar oleh suami kepada isteri, maka sudah tidak boleh dijadikan kerja-kerja tersebut sebagai sebahagian daripada perkongsian modal dalam pendapatan perniagaan suami. Hal ini demikian kerana jika diberikan gaji atas kerja dengan suami dan diberikan pulak nisbah pulangan daripada perniagaan suami, ia dianggap telah mendapat 2 hak dalam satu kerja yang sama. Ini adalah sesuatu yang tidak adil dari segi konsep agihan keuntungan pendapatan dalam perniagaan. Tidak boleh dianggap kerja isteri sebagai modal kerana dia telah dibayar atas kerjanya.

Isteri melabur kepada syarikat suami dengan mengambil keuntungan. Ada segelintir isteri yang melabur dalam syarikat suami sebagai satu peluang menjana pendapatan. Dalam konteks ini semua hasil pendapatan daripada keuntungan perniagaan suami adalah menjadi milik sempurna bagi isteri atas dasar sebagai modal. Justeru sudah tidak boleh dijadikan modal pelaburan tersebut sebagai satu elemen berasingan untuk dituntut harta sepencarian daripada pendapatan perniagaan suami tersebut. Jika isteri menuntut hak sepencarian pada perniagaan suami tadi, maka ia telah mengambil dua hak daripada satu sumber pendapatan yang sama. Ini adalah mengambil hak orang tanpa kebenaran.

Isteri menolong kerja-kerja suami. Kebanyakan pasangan suami isteri saling tolong menolong dalam urusan kerja masing-masing. Ada ketikanya suami yang melakukan kerja hakikinya terpaksa membawa pulang baki kerja-kerja tersebut untuk diselesaikan di rumah. Ada sebahagian kerja yang dilakukan itu dibantu oleh isteri atas dasar sukarela semata-mata. Justeru tindakan isteri menolong kerjas suami secara sukarela tanpa sebarang upah adalah tabarru' yang tidak melibatkan sebarang akad kerja yang patut dibayar. Oleh yang demikian, adakah berhak bagi isteri menjadikan kerja jenis ini sebagai modal untuk menuntut harta sepencarian terhadap pendapatan suami. Jika dibenarkan isteri membuat tuntutan harta sepencarian bagi kerja-kerja tabarru' yang dilakukan, nescaya tuntutan yang sama boleh juga dilakukan oleh mana-mana individu yang pernah menolong kerja seseorang sekalipun atas dasar tabarru'. Konsep tabarru' ialah melakukan kerja secara sukarela dan percuma. Jika kerja yang dilakukan berbayar maka ia tidak dinamakan sebagai tabarru' atau tolong menolong yang dimaksudkan.

Isteri bekerja bersama suami. Ada segelintir pasangan suami isteri yang bekerja bersama-sama dalam kerja yang sama, masa yang sama, sebagaimana yang berlaku pada pasangan yang berkeja di ladang getah, sawah padi dan sebagainya. Dalam konsep kerja bersama-sama ini sepatutnya masing-masing ada hak dalam setiap pendapatan kerja tersebut atas usahasama yang dilakukan. Namun apabila kerja yang dilakukan tidak dinyatakan sebarang bentuk akad yang dipersetujui maka ia tidak dianggap sebagai syarikat usahasama ketika itu. Bahkan suami yang bekerja secara konsep ini tidak pernah berfikir untuk dibahagikan pendapatan tersebut. Lagipun masing-masing merasakan itu adalah bentuk sumbangan bersama dalam mencari nafkah untuk keluarga secara bersama. Segala pendapatan tersebut

kebiasaan akan dibelanjakan secara bersama dalam kehidupan berumahtangga. Dalam konteks kerja isteri yang sebegini, adakah boleh ia dijadikan sebagai elemen untuk menuntut harta sepencarian daripada pendapatan tersebut. Maka di sini timbul satu permasalahan iaitu tuntutan yang dilakukan tersebut adakah atas nama pembahagian keuntungan pendapatan, namun tiada kontrak jelas yang telah dipersetujui atas dasar itu. Justeru secara adilnya jika tiada sebarang kontrak bagi kerja-kerja tersebut ia dianggap sebagai tabarru'. Justeru tidak patut setiap kerja yang dilakukan atas dasar tabarru' dijadikan sandaran kepada harta sepencarian. Hal ini sebagaimana suami yang tidak boleh menuntut sebarang sumbangan yang telah diberikan kepada isteri kerana ia adalah tabarru' yang berlaku secara sukarela.

Hubungan akad nikah dengan 'syarikat abdan'. Beberapa keputusan mahkamah yang diproses memutuskan adakalanya isteri berhak membuat tuntutan harta sepencarian terhadap pendapatan suami. Antara alasan penghakiman yang diberikan ialah hubungan suami isteri dalam kerja rumah dan kerja luar adalah atas prinsip '*syarikat al-abdan*' atau atas dasar adat yang diamalkan dalam masyarakat. Ia menganggap kerja-kerja rumah sebagai sebahagian daripada sumbangan modal pada kerja suami dalam bentuk tenaga, dan ia dinamakan sebagai '*syarikat al-abdan*'. Penghakiman ini berlaku sekalipun ia tidak memiliki sebarang bentuk dokumen yang menyabitkan wujudnya akad yang menghendaki demikian. Sesungguhnya implikasi bagi setiap kerja yang dilakukan hendaklah diikat dengan akad yang kukuh bagi menyabitkan sesuatu hak kepada pihak-pihak yang berkelayakan. Oleh yang demikian Islam mewajibkan berlakunya setiap transaksi harta melalui ikatan akad agar ia menjadi asas kepada setiap tuntutan yang dilakukan. Justeru dalam konteks kerja rumah yang dilakukan oleh isteri tidak boleh dianggap sebagai modal tenaga bagi '*syarikat al-abdan*' kerana tiada kontrak yang dipersetujui untuk menunjuk demikian. Manakala akad nikah yang berlaku tidak mengandungi maksud '*syarikat al-abdan*' dari sudut perkongsian modal, nisbah keuntungan dan sebagainya. Jika benar apa yang diputuskan untuk isteri sebagai harta sepencarian daripada pendapatan suami maka sayugianya dilakukan akad '*syarikat al-abdan*' selain daripada akad nikah, sama ada secara serentak atau dilakukan selepasnya. Dengan akad ini maka jelas sudah bentuk pembahagian harta tersebut. Sudah pasti penyelesaian kepada isu ini ialah dengan merujuk kepada pendapat ulamak berkaitan

hukum kerja isteri di rumah dan hukum berkhidmat untuk suami, samaada ia satu kewajipan atau harus.

Isteri melakukan kerja-kerja rumah. Kerja isteri di rumah yang merangkumi penyediaan makanan, minuman, pakaian dan sebagainya merupakan suatu amalan biasa bagi semua masyarakat di dunia dan tidak kira apa jua agama. Sudah pasti ia adalah amalan adat turun temurun yang diwarisi dan menjadi rutin harian dalam kehidupan dalam rumahtangga. Namun perbahasan kali ini memfokuskan dari sudut sumbangan isteri terhadap kerja rumah kepada tuntutan harta sepencarian. Isu ini timbul apabila pihak penghakiman di mahkamah menjadikan kerja tersebut perkongsian dalam kerja suami, seolah-olah ia adalah perkongsian dalam bentuk ‘syaikat al-abdan’. Huraianya ialah, jika isteri tidak melakukan kerja-kerja tersebut, barangkali suami tidak akan mampu melakukan kerja untuk mencari nafkah. Justeru kerja isteri dianggap modal tenaga dalam pekerjaan suami. Dari sudut pandang kedua ada pihak-pihak yang menjadikan kerja rumah isteri sebagai tuntutan harta sepencarian berdasarkan kepada amalan adat. Mereka berhujah dengan kaedah fekah yang mashur iaitu, ‘al-‘Adah Muakkamah’ yang bermaksud setiap adat yang menjadi amalan dalam masyarakat boleh dijadikan sebagai sumber hukum. Kaedah ini adalah bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud: “Apa yang dilihat orang-orang Islam sebagai baik, maka ia juga dikira baik di sisi Allah”¹⁵. Justeru ada kedapatan amalan masyarakat yang mengamal demikian. Bagi penulis penghujahan yang mengatakan ia adalah adat amalan kebiasaan masyarakat khasnya orang melayu Islam, perlu dilihat semula. Ini kerana kebanyakan orang yang dikenali oleh penulis, bagi kes-kes kematian suami atau penceraian, tiada isteri bagi kes-kes tersebut melakukan tuntutan harta sepencarian. Bahkan mereka menganggap ia adalah sumbangan isteri terhadap rumahtangga dan tolong menolong antara suami isteri. Manakala menurut pendapat kedua yang menyatakan bahawa kerja-kerja dalam rumah adalah kewajipan ke atas isteri¹⁶, maka ia tidak berhak untuk menjadikannya sebagai elemen untuk menuntut harta sepencarian. Hal ini kerana perkara yang wajib dilakukan tidak boleh diambil upah kerana ia adalah tanggungjawabnya secara individu.

¹⁵ - Al-Sayuthi, al-Ashbah wa Al-Nadzhoir, (1/126).

¹⁶ - al-Zaila’I, Tabayiin al-Haqaiqi Syarh Kanz al-Daqaiqi, (7/377), al-Syanqiti, Durus ‘Umdah,

Sumbangan suami kepada isteri. Sebarang sumbangan harta dalam apa jua bentuk, yang diberikan oleh suami kepada isteri, selain daripada nafkah yang wajib merupakan hibah atau hadiah kepadanya. Pemberian ini boleh dianggap sebagai tanda ingat atas segala sumbangan isteri dalam kerja rumah tangga, mendidik serta mengurus anak atau sebagai penghargaan atau sebagainya. Hibah ini jika terlah berlaku serahan dan terimaan tunai, ia merupakan transaksi pindah milik yang sempurna bagi pihak isteri. Sekiranya berlaku sebarang perpisahan yang melibatkan pasangan suami isteri tersebut samaada dengan penceraian, fasakh atau kematian, maka tidak boleh pihak suami meminta dikembalikan semula nilai pemberian tersebut. Sebagaimana tabarru' suami yang diberikan kepada isteri tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Oleh yang demikian tiada dalam peruntukan mahkamah yang menyatakan bahawa suami boleh menuntut semula segala pemberian yang telah berpindah milik kepada isteri.

Rumusan:

1. Akad nikah yang sah pada syara' telah melazimkan beberapa hak yang mesti disediakan oleh suami kepada isterinya
2. Akad nikah tidak termasuk dalam kategori akad perniagaan, pelaburan dan sebagainya.
3. Akad nikah juga bukan akad yang menunjukkan kepada adanya upah (*Ujrah*)
4. Kerja rumah adalah merupakan tanggungjawab isteri menurut pendapat yang *rajih* pada pandangan penulis dengan berdalilkan kepada al-Quran, hadis Nabi SAW, amalan adat masyarakat sehingga hari ini. Bahkan sesiapa yang berpandangan bahawa isteri tidak wajib untuk melakukan kerja rumah, namun dalam realiti kehidupannya ia berlaku sebaliknya,
5. Kerja rumah yang dilakukan isteri ada dua katergori iaitu, kerja keperluan seperti menyedikan keperluan keluarga dan kerja bukan keperluan, seperti menanam pokok bunga, menghiasi rumah dan sebagainya.
6. Tidak boleh dijadikan kerja rumah dalam kategori bukan keperluan sebagai modal pelaburan terhadap kerja suami atas nama syarikat al-Abdan' bagi tujuan tuntutan harta sepencarian.

7. Harta yang dihasilkan secara bersama adalah harta sepencarian tanpa khilaf. Ianya seperti pasangan suami isteri membeli aset secara berkongsi modal pada harta tersebut.

8. Harta yang diperolehi isteri melalui kerja yang dilakukan adalah harta kepunyaan isteri.

9. Adapun harta yang diperolehi suami dengan usahanya adalah miliknya secara keseluruhan pada penamaan dan hak. Namun menurut segelintir ilmuwan bahawa dalam pendapatan kerja suami ada juga nisbah pemilikan isteri dengan alasan ianya sebagai rakan kongsi. Namun pendapat ini agak lemah penghujahannya kerana dakwaan adat yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat menyanggahi pendapat tersebut dan dakwaan bahawa ianya adalah syarikat al-abdan perlu kepada akad yang mengikat perkara demikian.

10. Timbul isu pemilikan secara persendirian dari sudut pemodalannya namun dokumentasi berbeza dengan keadaan sebenar. Ada pasangan suami isteri yang membeli aset atau hartanag dengan meletak nama pasangan sebagai pemilik sekalipun yang membayar harga aset tersebut ialah pasangannya.

RUJUKAN

1. Al-Quran al-Karim.
2. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail al-Ja'fi, A;-Jami' Al-Sahih al-Mukhtasar, Dar Inmu Kathir, Beirut, 1987=1407.
3. Muslim, Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj Al-Qusyairi al-Naisaburi, Darul Jil dan Darul Afaq al-Jadidah, Arab Saudi.
4. Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa al-Sullami, daru Ihya al-Turath ah-'Arabiyy, Beirut. Tahkik Ahmad Muhammad Syakir.
5. Abu Daud, Sulaiman bin al-Ahs'as, Sunan Abi daud, Darul Kitab al-'Arabiyy, Beirut.
6. Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwiniy, Sunan Ibnu Majah, tahkik Muhammad Fuad al-Baqi, Darul Fikr, Beirut.
7. AL-Sarakhsy, Abu Bakr Muhammad bin Abi Sahl, tahkik Khalil Muhyiddin al-Mis, darul Fikr, 1421M.

8. Ibnu Nujaim, Al-bahr al-Raik Syarh Kanz al-Daqaiq, Darul Ma'rifah, Beirut.
9. Al-Juzjaniy, Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah,
10. Ibnu Abidin, Hasyiah Radd al-Mukhtar 'Ala Radd Al-Mukhtar, Darul fikr, 14321H, Beirut.
11. Al-Syarbini, Muhammad bin Al-Khatib, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati alfaz al-Minhaj, Darul Fikr, Beirut.
12. Al-Syarbini, al-Khatib, al-Iqna' Fi Hall Alfaz Abi Syuja', cetakan Darul Fikr, 1415H, Beirut
13. Ibnu Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim al-Harraniy, Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah, tahkik Ali bin Muhammad bin Abbas al-ba'li al-Dimashqi. Darul makrifah, Beirut. 1397H=1978.
14. Al-Uthaimin, Muhammad bin Soleh, Fatawa Nur 'ala al-Darb, Muassasah al-Syeikh Muhammad bin Soleh bin Uthaimnin al-khairiyah, 1427H=2006M.
15. Uthaimin, al-Syarh al-Mumti''ala Zaad al-Mustaqni', Dar Ibnu al-Jauziy', 1428H.
16. Al-Sabtiy, 'Iyadh bin Musa bin 'Iyadh al-Maliki, al-Maktabah al-'Atiqah wa Dar al-Thurath.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.